


RAJAH 1

**1** Dalam Rajah 1, PQRS dan TVWS ialah segiempat sama. Berapa peratuskah kawasan berlorek daripada seluruh rajah? [UPSR (1995]

A 36

B 40

C 60

D 64

**2** Cikgu Kamal menganggarkan 80% daripada 40 orang muridnya akan menyertai suatu perkhemahan. Pada hari perkhemahan itu, bilangan murid yang menyertainya ialah empat orang lebih daripada anggaran Cikgu Kamal. Berapa peratuskah bilangan sebenar murid yang menyertai perkhemahan itu? [UPSR 1995]

A 36

B 70

C 84

D 90




Rajah 2

**3** Rajah 2 menunjukkan carta keahlian lima buah kelab dii sebuah sekolah. Carta itu terdiapiri daripada lapan bahagian yang mewakili bilangan ahli yang sama banyak bagi setiap bahagian. Berapa peratuskah ahli Kelab Komputer ?

[ UPSR 1996]

A 12.5

B 20

C 25

D 40



Rajah 3

**4** Dalam rajah 3, kawasan berlorek ialah 305 daripada seluruh rajah.Diberi luas seluruh rajah itu ialah 40 cm. Luas, dalam $cm^2$, kawasan TIDAK berlorek ialah.

[UPSR 1996]

A $\frac{30}{100} \times 40$

B $\frac{30}{40} \times 100$

C $\frac{40}{70} \times 100$

D $\frac{70}{100} \times 40$

**5** Saiful menyimpan $\frac{2}{5}$ daripada gajinya. Berapa peratuskah daripada gajinya yang tidak disimpan ?

[UPSR 1998]

A 30

B 35

C 40

D 60




RAJAH 4

**6** Rajah 4 menunjukkan jumlah penduduk Kampung Kenanga dan peratusan penduduk mengikut empat kumpulan. Berapakah bilangan penduduk dalam kumpulan remaja ? [UPSR 1998]

A 750

B 1 050

C 1 150

D 1 950

**7** Seorang penjaja membeli 72 biji oren dengan jumlah harga RM36. Didapati 6 biji daripadanya busuk dan dibuang. Bakinya dijual dengan harga 60 sen sebiji. Berapakah peratus untung daripada harga beli ? [UPSR 1998]

A 10

B 20

C 80

D 90




RAJAH 5

**8** Rajah 5 menunjukkan sebiji kek dibahagi kepada kepada tiga orang mengikut berat tertentu. Berapa peratuskah bahagian yang diterima oleh Bibi ?

[UPSR 1998]

A 25

B 35

C 40

D 60



RAJAH 6

**9** Dalam Rajah 6, bentuk **A, B, C** dan **D** dilukis pada petak-petak segiempat sama yang sama besar. Antara bentuk **A, B, C** dan **D**, yang manakah bahagian berloreknya merupakan 25% daripada seluruh bentuk itu ?

[UPSR 1999]

**10** Jumlah calon yang menduduki suatu ujian sains ialah 300 orang. Jika 15 orang calon gagal dalam ujian itu , berapakah peratus calon yang lulus ?

[UPSR 1999]

A 5

B 45

C 55

D 95

| Kerja | Masa |
|---|---|
| Memasak | 10.00 a.m. – 11.15 a.m. |
| Membasuh | 7.30 a.m. – 9.15 a.m. |
| Berkebun | 4.20 p.m. – 6.20 p.m. |

JADUAL 1

**11** Jadual 1 menunjukkan masa yang diperuntukkan oleh Aminah untuk kerja-kerja tertentu. Berapa peratuskah masa yang diperuntukkan untuk berkebun berbanding jumlah masa bagi kesemua kerja tersebut ?

[UPSR 1999]

A 2

B 10

C 20

D 40

| **Bil** | **Bayaran** |
|---|---|
| Air<br>Telefon<br>Elektrik | RM20<br>RM70 |
| **Jumlah** | **RM120** |

Jadual 2

**12** Jadual 2 di atas yang tidak lengkap menunjukkan bayaran bil keluarga Puan Chan Jika gaji Puan Chan ialah RM1 500, berapa peratuskah bayaran bil elektrik daripada jumlah gajinya?

[UPSR 2000]

A 2

B 6

C 8

D 25

**13** Setelah penurunan harga sebanyak 30 %, jumlah harga 4 helai baju yang sama ialah RM140. Berapakah harga asal bagi sehelai baju itu?

[UPSR 2000]

A RM42

B RM50

C RM98

D RM200

| **Harga asal** | **Harga baru** |
|---|---|
| RM50 | RM30 |
| RM50 | RM62 |
| RM75 | RM87 |

Jadual 3

**14** Jadual 3 di atas menunjukkan harga asal dan harga baru tiga jenis barang. Peratus kenaikan harga yang paling tinggi ialah ?

[UPSR 2000]

A 12

B 16

C 24

D 40

**15** Dalam satu ujian , Zaini menganggarkan dia akan menjawab dengan betul 35 soalan daripada 50 soalan. Setelah diperiksa, didapati markahnya 70%. Berapakah beza bilangan sebenar soalan yang dijawab betul berbanding dengan anggarannya?

[ UPSR2001]

A 3

B 6

C 38

D 41

**16** Harga kos sebuah kamera ialah RM400. Seorang pekedai menjual kamera itu dengan mendapat keuntungan 15%. Rais membeli kamera itu dan membayar RM500. Antara berikut, penyataan yang manakah benar?

[UPSR 2001]

A Rais terkurang bayar sebanyak RM75

B Rais terkurang bayar sebanyak RM140

C Rais terlebih bayar sebanyak RM40

D Rais terlebih bayar sebanyak RM70

**17** Amran ada 200 biji guli. 40% berwarna biru dan yang lainnya terbahagi sama banyak kepada warna putih, merah dan hijau. Antara berikut, yang manakah menunjukkan langkah pengiraan yang betul untuk mencari bilangan guli hijau?

[UPSR(2001]

A $\frac{40}{100}$ x 200, kemudian bahagi 3

B $\frac{40}{100}$ x 200, kemudian bahagi 4

C $\frac{60}{100}$ x 200, kemudian bahagi 3

D $\frac{60}{100}$ x 200, kemudian bahagi 4

| ADIK PANDAI ADIK SAYANG |
|---|

Rajah 7

**18** Rajah 7 menunjukkan satu rangkai kata. Berapa peratuskah huruf A daripada semua huruf dalam rangkai kata itu?

[UPSR 2002]

A 20

B 30

C 40

D 60

Guru Besar : "Tahniah kerana memenangi hadiah RM500. Apa kamu akan buat dengan wang ini?"

Sani : "Saya akan beri kepada ayah dan emak RM60 setiap seorang, RM200 untuk membeli basikal, dan bakinya saya simpan."

**19** Berdasarkan perbualan di atas, berapa peratuskah wang yang disimpan oleh Sani daripada hadiah itu?

[UPSR 2002]

A 36

B 48

C 52

D 64

**20** Cik Tan meminta tiga muridnya menulis satu nilai yang sama dengan 20. Berikut adalah nilai yang diberi oleh tiga muridnya itu.

Fifi : 10% daripada 200
Goh : 40% daripada 50
Han : 50% daripada 30

Siapakah yang menulis nilai yang betul?

[UPSR 2002]

A Fifi sahaja

B Han sahaja

C Fifi dan Goh sahaja

D Goh dan Han sahaja

**21** Ahmad membeli 8 buah songkok dengan jumlah harga RM25. Dia menjual songkak itu dengan harga RM5 sebuah. Berapakah peratus untung yang diperolehi daripada jualan semua songkok itu ?

[UPSR 2003]

A 15

B 40

C 60

D 65




**22** 20% daripada X ialah

[UPSR 2003]

A 30

B 80

C 90

D 160

Jadual 4 menunjukkan bilangan murid berkaca mata dan tidak berkaca mata dalam tiga kumpulan.

| Kumpulan | Bilangan Murid Berkaca Mata | Bilangan Murid Tidak Berkaca Mata |
|---|---|---|
| Arif | 9 | 29 |
| Bijak | 8 | 37 |
| Cerdik | 8 | 34 |

Jadual 4

**23** Berapakah peratus bilangan murid yang tidak berkaca mata daripada jumlah murid- murid itu?

[UPSR 2004]

A 20

B 25

C 75

D 80

**24** Jadual 1 menunjukkan bilangan murid dalam lima kumpulan yang menaiki bas atau basikal ke sekolah.

| Kumpulan | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | Kumpulan | Kumpulan |
| Maju | 40 | 0 |
| Tekun | 36 | 5 |
| Rajin | 32 | 5 |

Berapakah peratus bilangan murid yang menaiki bas daripada jumlah murid itu?

[UPSR (2005]

A 25

B 60

C 75

D 80

**25** Jadual 6 menunjukkan harga kos dan peratus keuntungan bagi dua barang yang dijual oleh Encik Raju.

| Barang | Harga Kos (Seunit) | Keuntungan Seunit (%) |
|---|---|---|
| Beg | RM40 | 15 |
| Jam Tangan | RM120 | 10 |

JADUAL 6

Encik Raju menjual 4 buah beg dan 6 buah jam tangan.

Hitungkan jumlah keuntungan yang diperoleh Encik Raju.

[UPSR (2005]

A RM18

B RM72

C RM96

D RM120

**26** Rajah 8 menunjukkan harga sepasang kasut dan sehelai jaket sebelum diskaun.

[UPSR2005]



RM270



RM230

RAJAH 8

Arif ada RM300 dan Musa ada RM250. Arif membeli kasut itu dengan diskaun 20%.

Musa membeli jaket itu dengan diskaun 10%.

Berapakah beza antara wang baki arif dengan wang baki Musa?

A RM10

B RM20

C RM31

D RM41

**27** Rajah 9 terdiri daripada petak-petak segiempat sama yang sama besar.



Hitung peratusan kawasan yang berlorek daripada seluruh rajah itu.

[UPSR 2006)

A 15

B 20

C 40

D 50

**28** Rajah 10 menunjukkan harga jualan sebuah peti sejuk dan sebuah mesin basuh.




RAJAH 10

Setelah diberi diskaun untuk setiap barang tersebut, Encik Lim membayar sejumlah RM2340.

Berapakah diskaun untuk harga mesin basuh itu? [UPSR 2006]

A 10%

B 15%

C 20%

D 25%

**29** Sebuah balang mengandungi sejumlah gula-gula berperisa oren, strawberi dan anggur.

Rajah 11 menunjukkan jumlah gula-gula dalam balang itu.




Gula-gula berperisa oren adalah $\frac{2}{5}$ daripada jumlah gula-gula itu. Bilangan

gula-gula berperisa strawberi ialah 168 biji. Selebihnya ialah gula-gula

berperisa anggur.

Berapa peratusan gula-gula dalam balang itu berperisa anggur?

[UPSR 2006]

A 20

B 25

C 35

D 40

**30** Rajah 2 terdiri daripada petak-petak segiempat sama yang sama besar.



Hitung peratusan kawasan yang berlorek daripada seluruh rajah itu.

[UPSR 2007]

A 6

B 19

C 24

D 76

**31** Hitung $\frac{3}{5} + \frac{9}{10}$.

Nyatakan jawapan dalam peratus.

[UPSR 2007]

A 150

B 120

C 80

D 15

32 Ahmad ada 120 biji durian. Dia membeli $\frac{1}{5}$ dariapada jumlah durian itu kepada jirannya. Dia menjual $\frac{1}{2}$ daripada baki durian itu. Berapakah peratusan buah durian yang masih ada? [UPSR 2007]

A 30

B 40

C 72

D 84

**33** Rajah 12 terdiri daripada dua keeping kad yang sama saiz. Setiap kad dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Rajah 12

Hitung jumlah peratusan kawasan yang berwarna daripada kedua-dua kad itu.

[UPSR 2008]

A 25

B 40

C 50

D 65

**34** Rajah 13 di bawah menunjukkan bilangan guli dalam dua buah kotak, R dan S.




Rajah 13

Jehan mengambil sejumlah guli dari kotak R dan 20 % guli dari kotak S.

Jumlah guli yang diambil oleh Jehan ialah 224 biji.

Hitung peratusan guli yang telah diambil dari kotak R.

[UPSR 2008]

A 24

B 32

C 40

D 60

**35** Rajah 14 menunjukkan sebuah bekas yang mempunyai ruangan yang sama besar.



Rajah 14

40 % daripada runagan itu diisi dengan jus mangga. Bakinya diisi jus oren.

Berapakah bilangan ruangan yang diisi dengan jus oren? [UPSR 2009]

A 8

B 10

C 12

D 1

36

| Colour | Number of balloons |
|---|---|
| Green | 105 |
| Yellow | 75 |
| Red | 90 |
| Purple | 30 |

Jadual 3

Jadual 3 menunjukkan bilangan belon belon berlainan warna.

Carta pai yang manakah mewakili dengan betul peratusan belon berlainan warna?

**A**




**B**




**C**




**D**



37 Rajah 19 menunjukkan harga sebuah radio dan sebuah televisyen. Harga kipas tidak ditunjukkan.




Rajah 19

Daud ada RM950. Dia membeli televisyen itu dengan diskaun sebanyak 20%.

Dia menggunakan semua wang bakinya untuk membeli radio dan kipas itu.

Berapakah harga kipas itu? ( UPSR 2010 )

A RM 190

B RM 160

C RM 150

D RM 130

38 Nilai yang manakah paling besar? ( UPSR 2010 )

**A** 70 % x 60

**B** 60 % x 75

**C** 35 % x 110

**D** 25 % x 120